

# Mengupas tamadun Islam menerusi debat

B.H 07/12/07 M/S 14

INSTITUT Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), satu-satunya institusi penyelidikan yang memberi ruang dan peluang kepada pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) berdebat dan mengeluarkan pendapat bernas berkenaan isu ketamadunan Islam.

Melalui penganjuran Pertandingan Debat Kefahaman Islam antara IPT, penuntut diberi peluang menzahirkan pendapat sementara IKIM dapat menghalusi kemampuan mereka mentakrif hal berkaitan Islam. Dengan cara ini, mereka dapat dibimbing menjadi pemimpin berilmu dan memiliki keyakinan diri yang tinggi.

Ketua Pengarah IKIM, Dr Syed Ali Tawfik Al-Attas, ketika diminta mengupas tujuan IKIM menganjurkan Pertandingan Debat Kefahaman Islam antara IPT, dijadual berlangsung pada 10 hingga 13 Disember ini di Dewan Besar IKIM, di ibu negara berkata:

“Pertandingan Debat Kefahaman Islam antara IPT anjuran IKIM bermula pada 2003. Ia adalah cetusan idea Pengerusi IKIM sendiri, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid. Sejak itu, pertandingan ini menjadi acara tahunan IKIM. Yayasan Al-Bukhary adalah penaja utama untuk lima tahun berturut-turut.

“Pertandingan pada 10 hingga 13 Disember ini adalah kali kelima. Pada 2003, johan dimenangi pendebar daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Tahun 2004 ia dimenangi Universiti Utara Malay-

sia (UUM), pada 2005 pula ialah Universiti Malaya (UM) dan tahun lalu dijuarai Universiti Malaysia Sabah,” katanya.

Yang jelas, pertandingan ini amat berbeza daripada penganjuran debat yang lain kerana IKIM satu-satunya institusi penyelidikan yang memberi ruang kepada penuntut di IPT berdebat berkenaan isu-isu yang berkaitan dengan tamadun Islam.


Kedua, pendebar dibenarkan berhujah menggunakan ayat al-Quran dan hadis

“*IKIM mahu pelajar di IPT mengambil berat isu yang berkaitan di negara ini sejajar dengan peranan IKIM iaitu berusaha untuk meningkatkan kefahaman Islam di kalangan rakyat*”

**Dr Syed Ali Tawfik Al-Attas**  
Ketua Pengarah IKIM

dalam hujah mereka dan ketiga, IKIM membenarkan dan mengalu-alukan pelajar IPT bukan beragama Islam menjadi pendebar dalam pertandingan ini. IKIM mahu pelajar di IPT mengambil berat isu yang berkaitan di negara ini sejajar dengan peranan IKIM sendiri yang berusaha untuk meningkatkan kefahaman Islam di kalangan rakyat.

Mengenai kesan dan manfaat kepada mahasiswa yang mengambil bahagian dalam



Pertandingan Debat IKIM ini selepas IKIM berjaya menganjurkannya sejak empat tahun lalu, Dr Syed Ali berkata, kesan yang amat ketara ialah mahasiswa ini menjadi amat peka kepada isu semasa.

Malah, pendebar yang bukan daripada jurusan agama amat yakin untuk berdebat berhubung isu kefahaman Islam. Inilah yang IKIM mahukan iaitu pelajar di IPT sentiasa mengambil tahu perkembangan di sekeliling kita hari ini, ada jalan penyelesaiannya, hanya rujukan kepada jalan penyelesaian itu tidak begitu ketara.

Beliau berkata, pemilihan dibuat berdasarkan jempunan. Untuk tahun ini, 16 IPT akan mengambil bahagian. IKIM mewajibkan setiap pasukan debat mempunyai wakil wanita sebagai pendebar utama. Saranan ini dibuat, kerana Pengerusi IKIM sendiri menyedari bahawa penyertaan pendebar wanita amat kurang.

Dr Syed Ali berkata, kumpulan sasaran Pertandingan Debat Kefahaman Islam ini ialah mahasiswa IPT awam dan swasta kerana IKIM mahu golongan muda ini diberi peluang menzahirkan pendapat, pandangan dan hujah berhubung pelbagai isu.

Kedua, golongan ini bakal menjadi pemimpin negara kita pada masa depan. Jadi, melalui pertandingan debat ini, mereka akan didedahkan kepada ilmu yang boleh membimbing mereka menjadi pemimpin yang berilmu dan baik. IKIM juga mahu

pelajar ini membina keyakinan diri.

"IKIM ingin mendekatkan peranan dan tanggungjawab IKIM dengan penuntut IPT. Meningkatkan kefahaman ini adalah merangkumi semua lapisan umur. Ini juga satu usaha mendekatkan IKIM dengan masyarakat. Kita ingin usaha ini merentasi peringkat umur, agama dan bangsa," katanya.

Beliau berkata, maklum balas dan sambutan amat baik. Pertandingan Debat Kefahaman Islam antara IPT anjuran IKIM turut dimasukkan di dalam kalendar penganjuran debat oleh Majlis Debat Universiti Malaysia atau MADUM. Pendebat amat menunggu-nunggu Pertandingan Debat Kefahaman Islam anjuran IKIM ini.

Di samping tajuk untuk didebat yang menguji tahap keilmuan mereka, peserta juga amat teruja dengan hadiah yang ditawarkan melalui penaja utamanya, Yayasan al-Bukhary. Johan akan mendapat RM15,000, naib johan RM 10,000, ketiga RM5,000, keempat RM3,000. Sementara pendebat terbaik akan mendapat wang tunai RM1,000.

Pendebat terbaik pada 2006 iaitu Burhanuddin Sirajuddin dari Universiti Malaysia Sabah adalah penuntut tahun tiga Ijazah Pendidikan Sains Fizik yang menjadi pembangkang ketika itu memperdebatkan tajuk 'Kecelaruan dan Salah Faham Berkenaan Islam Berpunca Daripada Orang Islam Sendiri.'

Kebanyakan pendebat juga terdiri daripada jurusan sains tulen, biologi, sains hayat dan undang-undang. Mereka dapat mengemukakan hujah yang bernas dan membidas hujah lawan dengan tepat.

"Kita ingin lahirkan mahasiswa yang seimbang ilmunya dari segi ilmiah dan sahsiah diri. IKIM sebagai penganjur berdoa agar matlamat kita tercapai," katanya.

- Bernama